

**TEKS UCAPAN PERASMIAN PENUTUP
DATO' PROF. DR. ZUL AZHAR ZAHID JAMAL
NAIB CANSOLOR
UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS
SEMPENA MAJLIS PERASMIAN PENUTUP i-ENVEX 2018
15 APRIL 2018
DI DEWAN ILMU, UniMAP PAUH PUTRA
JAM 10 PAGI**

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh
Salam Satu Malaysia, Salam Negaraku Malaysia -
Salam Ilmu, Keikhlasan, Kecemerlangan UniMAP

SALUTASI

Yang Berbahagia Timbalan - timbalan Naib Canselor UniMAP
Yang Berusaha Pegawai -Pegawai Utama Universiti
Dekan-dekan dan Ketua-ketua Jabatan,
Rakan-rakan media,
Seterusnya para peserta i-ENVEX 2018 yang dikasihi sekalian,

KATA ALU-ALUAN

1. Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Allah Aza Wajalla kerana masih lagi diberi kesempatan untuk berkumpul di pagi yang indah lagi permai pada hari ini untuk bersama-sama di Majlis Perasmian Penutup The International Engineering Invention Innovation Exhibition i-ENVEX 2018.

2. Setinggi-tinggi tahniah dan syabas saya ucapkan kepada para peserta yang berjaya dengan harapan semoga kejayaan ini memberi pendorong untuk menghasilkan inovasi yang lebih berprestij lagi di masa akan datang.
3. Tidak dilupakan setinggi-tinggi penghargaan buat sekretariat i-ENVEX 2018 yang bertungkus lumus memastikan pertandingan tahunan ini berlangsung dengan jayanya.
4. *I would like to express my appreciation to all international participants, altogether from 16 countries for supporting i-ENVEX 2018; (namely) India, Taiwan, Hong Kong, China, Macau, Thailand, Indonesia, Laos, Vietnam, South Korea, USA, Canada, Romania, Bangladesh, Cambodia & the Philippines.*

Ladies & gentleman,

i-ENVEX 2018

5. *i-ENVEX 2018 is conceptualized and implemented to synchronise with the nation's transformation from a middle income to a high income developed nation. The critical part of this transformation is the quality of our human capital, innovations and effective inventions.*
6. *It is affirmative that I-ENVEX 2018 can convey the assimilated approach in providing excellent prospect for the exchange and propagation of ideas, knowledge and talents while adopting and*

seizing the opportunities that arise out of globalization and the rapid technological development.

- 7. I am very content that after eleven years since its establishment, UniMAP has successfully charted a clear and fascinating vision, and has made significant progress in various academic and research activities towards attainment of excellence. Events like i-ENVEX are indeed needed to ensure that our nation transformations are supported by a quality and competitive human capital.*
- 8. Despite being a “teenager” university, research and development at UniMAP has made very good progress, thanks to the unification and clustering of researchers of various engineering disciplines. This is well supported by the research exposure of high school students via the ENVEX Young Researcher Club (EYREC) which is below the fold of UniMAP.*
- 9. The guidance and ideas, coupled with the aggressiveness and creativity of the young researchers have been an effective recipe in nurturing young scientists. This resulted in UniMAP’s success accolades, in various research exhibitions, be it locally or internationally.*
- 10. UniMAP wishes to forge even closer strategic alliance with all participants of i-ENVEX 2018 in terms of R&D infrastructure, research focus and creative ideas. This smart partnership or collaboration will then be expected to create new research*

partnership as well as yielding new potential scientific, technical knowledge and skills needed for the transformation of Malaysia and participating countries.

Hadirin hadirat sekalian,

PENGGOMERSIALAN HASIL PENYELIDIKAN

11. Difahamkan, selain penglibatan 16 negara dengan 81 penyertaan, kita juga menerima 72 penyertaan dari institut pengajian tinggi (IPT), 163 sekolah menengah dan 92 penyertaan dari UniMAP sendiri dengan jumlah keseluruhan 408 penyertaan.
12. Justeru, menerusi i-ENVEX yang berlangsung selama dua hari ini, saya juga berharap semua pihak samada pihak industry, kerajaan mahupun UniMAP sendiri dapat meneliti inovasi atau produk yang dipertandingkan, yang mempunyai potensi tinggi untuk diterjemahkan kepada produk bernilai tinggi dan boleh memasuki pasaran.
13. Kita tidak mahu inovasi yang dihasilkan sekadar meraih anugerah atau pingat tetapi tidak dikomersialkan sedangkan saya percaya banyak produk yang dihasilkan oleh pelajar-pelajar sekolah dan Institut Pengajian Tinggi (IPT) khususnya juga berpotensi untuk dikomersialkan sekaligus dapat melahirkan generasi teknousahawan untuk menaikkan taraf negara kita sebagai negara maju.

14. Di UniMAP, baru-baru ini telah melancarkan empat syarikat terbitan yang penubuhannya mengikut Dasar Pengkomersialan UniMAP yang dibangunkan Pusat Pengkomersilan Harta Intelekt (CIPC) UniMAP.
15. Malah, UniMAP juga berjaya meraih RM410,000.00 nilai perlesenan bagi lima harta intelek (IP) universiti setelah menyerahkan hak IPnya kepada lima buah syarikat. Lima IP tersebut adalah bagi produk *Mangga Green House Mango Scheduler*; *A Television Wide Space Spectrum (TVWS Antenna System)*; *A Flying Apparatus for Aerial Agriculture Application*; *A Detachable Power Driven For Wheel Chair*; dan *Mask Aligner For Education and Research*.
16. Apa yang ingin saya jelaskan di sini bahawa dasar tersebut akan meningkatkan nilai keusahawanan di kalangan staf dan menjadi salah satu inisiatif penjana kewangan universiti melalui perlesenan dan jualan hak IP. Hal ini seharusnya menjadi contoh kepada penyelidik-penyelidik lain agar produk atau penyelidikan dapat membawa manfaat bukan sahaja kepada penyelidik sendiri tetapi dapat dikomersialkan kepada masyarakat.

Hadirin hadirat yang dikasihi,

PENUTUP

17. Sebelum mengakhiri ucapan ini, sekali lagi saya ingin mengucapkan terima kasih di atas komitmen semua bagi menjayakan

i-ENVEX 2018 ini dengan harapan semua pihak mendapat manfaat dan pendedahan berguna sepanjang pertandingan ini berlangsung.

18. Saya juga ingin mengucapkan tahniah kepada yang berjaya dan selamat maju jaya kepada semua peserta pertandingan dengan harapan teruskanlah berkarya dalam inovasi untuk kesejahteraan masa hadapan.

19. I wish you all a successful life and hope that the learning from today will benefit all of us in the future.

20. Dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim saya merasmikan Penutupan i-ENVEX 2018.

Sekian, Wabillahi Taufik Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.